



SIARAN AKHBAR

TAKLIMAT MENGENAI PERINTAH TRANSAKSI BERCAGAR DAN SISTEM PENDAFTARAN CAGARAN

Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

12 Muharram 1438 bersamaan dengan 13 Oktober 2016

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menganjurkan taklimat mengenai Perintah Transaksi Bercagar dan Sistem Pendaftaran Cagaran pada hari Khamis, 13 Oktober 2016 di Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.
2. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Puan Sheree McDonald, peguam cara kanan dari New Zealand Companies Office. Dalam sesi ini, beliau telah berkongsi pengalaman beliau dalam mengurus *Personal Property Security Register* (PPSR) di New Zealand.
3. Dalam taklimat tersebut, Puan Sheree McDonald mengongsikan bahawa peranan dan fungsi sistem PPSR adalah sama seperti Sistem Pendaftaran Cagaran Negara Brunei Darussalam. Sejak pelancaran sistem PPSR pada tahun 2002, sistem ini telah menjadi alat yang penting untuk perniagaan-perniagaan di New Zealand dengan memanfaatkan atau mencagarkan harta alih masing-masing kepada bank-bank atau syarikat kewangan bagi kemudahan mendapat kredit. Bank-bank atau syarikat kewangan juga boleh mendaftarkan kepentingan sekuriti masing-masing bagi memudahkan *debt recovery* jika peminjam muflis. Selain daripada itu, sistem ini juga mempunyai fungsi carian, yang mana telah digunakan lebih daripada 25 juta kali, termasuk 15 juta daripadanya bertujuan untuk memeriksa sama ada sesebuah kenderaan itu telah dicagarkan.
4. Bagi pelaksanaan Sistem Pendaftaran Cagaran Negara Brunei Darussalam, Perintah Transaksi Bercagar, 2016 juga akan diperkenalkan, di mana perniagaan atau individu akan dapat memanfaatkan harta alih mereka sebagai cagaran kepada pinjaman masing-masing. Perintah ini juga akan menggalakkan bank-bank untuk memberi pinjaman, mengambilkira aset-aset mudah alih yang dicaragarkan ke atas pinjaman itu boleh dikuatkuasakan apabila peminjam tidak melangsaikan bayaran pinjaman.
5. Dengan pelancaran Sistem Pendaftaran Cagaran dan penguatkuasaan Perintah Transaksi Bercagar pada bulan Disember 2016 ini nanti, para peniaga di negara ini akan dapat mula memanfaatkan sistem ini dengan sepenuhnya. Pelaksanaan inisiatif ini juga akan meningkatkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *World Bank Ease Of Doing Business (EODB) Ranking*, dengan sokongan daripada Unit PENGERAK, Jabatan Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Pandu EODB
6. Taklimat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanak dari agensi-agensi kerajaan dan institusi-institusi kewangan, serta jemputan dari *Law Societies*, dan perniagaan-perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (SMEs).
7. Bagi maklumat lanjut mengenai dengan Sistem Pendaftaran Cagaran ini, orang ramai boleh memuat turun AMBD App secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 12 Muharram 1438 / 13 Oktober 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3